



# **BARISAN NASIONAL MALAYSIA** **(National Front Malaysia)**

**PENGERUSI**  
**(Chairman)**

## **KENYATAAN MEDIA PENGERUSI BARISAN NASIONAL**

1. Barisan Nasional bersama rakan-rakan di dalam Kerajaan Perpaduan menghormati keputusan Pilihan Raya enam negeri yang telah diterjemahkan oleh rakyat pada hari ini.
2. Keputusan yang diumumkan telah mengekalkan penguasaan Kerajaan Perpaduan di Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.
3. Mandat yang diperoleh hari ini juga telah menjadi asas kepada kebersamaan parti-parti di bawah Kerajaan Perpaduan untuk terus bekerjasama dan memperkasa sinergi bagi mengekalkan Kerajaan Perpaduan ini untuk tempoh 5 tahun mendatang.
4. Barisan Nasional mengucapkan tahniah buat calon-calon yang telah berjaya. Terimalah amanah ini untuk terus berkhidmat dan berbakti kepada rakyat. Buat yang tidak berjaya, teruslah beristiqomah dan jangan pernah berhenti untuk terus memperjuangkan aspirasi rakyat di saat kita berhadapan dengan pelbagai cabaran.
5. Kepada seluruh rakyat yang telah melaksanakan tanggungjawab dan amanah mengundi sekaligus menyuburkan proses demokrasi dalam negara, ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen dan keprihatinan demi menentukan masa depan yang lebih baik buat negeri dan negara.
6. Terima kasih kepada semua ahli-ahli parti, jentera dan sukarelawan yang telah bekerja keras menjayakan kempen dan bertungkus-lumus membantu Barisan Nasional.

7. Kini, masa untuk kita bersatu hati dan terus bekerja keras demi memastikan perpaduan dipelihara, kestabilan dijaga demi kemakmuran rakyat Malaysia.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

Pengerusi Barisan Nasional

12 OGOS 2023